

Headline	Isteri reda kematian suami		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Sep 2013	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	15	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	107 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,407
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,221



## Isteri reda kematian suami

MEKAH 25 Sept. - "Saya reda dengan pemergiannya di tanah suci...walaupun saya sangat sedih kerana arwah pergi secara tiba-tiba tetapi Allah pilih dia untuk meninggal di Mekah," begitulah semangat Rosnamsiati Mohd. Daham, 59.

Rosnamsiati adalah isteri kepada Hashim Abdul Latif, 60, yang meninggal dunia akibat masalah jantung di sini, dua hari lepas.

Katanya, Hashim meninggal dunia secara mengejut kerana beberapa minit sebelum itu mereka baharu sahaja makan malam bersama selepas solat isyak, malah pagi sebelum itu, mereka berdua menunaikan ibadah umrah dan Hashim kelihatan sihat seperti biasa.

"Beberapa minit lepas itu, pintu bilik saya diketuk oleh kakitangan Tabung Haji dan meminta buku rekod kesihatannya dan mereka kata suami saya sakit," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Beliau berkata, Hashim dikatakan tiba-tiba jatuh di dalam bilik air sebelum pengsan dan rakan sebi-

liknya yang sedar dengan kejadian itu terus menghubungi klinik TH di tempat penginapan mereka di Maktab 100, Rehab Janadriyyah di sini.

"Arwah sangat mesra malah setiap kali selepas solat, dia akan pegang tangan dan memeluk saya....saya akan cuba tabahkan hati untuk menghadapi ujian ini dengan sering mengaji dan bersolat supaya dapat melupakan kejadian ini kerana arwah pergi dengan cara baik."

Katanya, anak-anak mereka di Malaysia selalu membuat panggilan dan memberi semangat kepadanya untuk terus beribadah dan menunaikan haji dan saya memohon untuk pulang lebih awal setelah selesai menunaikan ibadah haji kelak.

"Kepada anak-anak, mak di sini Insya-Allah sihat, sentiasa doakan mak di sini dan bacalah al-Quran selalu serta hadiahkan doa pada abah," katanya.

Hashim yang berasal dari Kampung Rapat Jaya, Ipoh, Perak dikebumikan di tanah perkuburan Ma'la di Mekah selepas solat zuhur dua hari lepas. - BERNAMA